

## Bab 7

### KONSEP KEUSAHAWANAN SOSIAL ISLAM: SUATU PENGAMATAN AWAL

*Noor Hisham bin Md Nawi*

#### 1.0 Pendahuluan

Bidang keusahawanan sosial Islam adalah satu bidang baharu yang sedang berkembang pesat. Pengertian dan konsep Keusahawanan Sosial Islam masih hangat diperdebatkan dan terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat. Untuk memahami keusahawanan sosial Islam dengan tepat, konsep tersebut seharusnya dilihat dari kerangka pandangan alam Islam tanpa menafikan keperluan untuk mengambil manfaat dari pelbagai sumber. Kefahaman konsep Keusahawanan Sosial Islam perlu bermula dengan kefahaman yang tepat mengenai konsep Keusahawanan Islam. Penulis telah meletakkan empat ciri asas untuk memahami konsep keusahawanan Islam dan menambah tiga ciri tambahan untuk membentuk konsep Keusahawanan Sosial Islam. Tiga ciri tambahan tersebut adalah empat domain teras iaitu mengenalpasti peluang, inovasi sosial, perniagaan sosial dan nilai sosial (perlu difahami menurut kerangka pandangan alam Islam), prinsip *ithar* dan mengoptimalkan instrumen muamalah yang thabit dalam *turath* dengan mematuhi prinsip *fiqh al-aulawiyat*. Kefahaman ini memerlukan paradigma kefahaman baharu dalam kalangan umat Islam terhadap konsep perniagaan, keusahawanan, kepentingan menjadi ummah yang mandiri dan jihad ekonomi.

Keusahawanan sosial merupakan satu bidang ilmu yang baharu dalam konteks Negara kita lebih-lebih lagi jika diperkenalkan dengan konsep keusahawanan sosial Islam. Dari segi ontologi, adakah ilmu keusahawanan sosial Islam ini benar-benar wujud? Jika benar, apa asas dan sumbernya (epistemologi)? Adakah ilmu keusahawanan berkenaan suatu konsep atau nilai yang baharu serta memberi manfaat kepada masyarakat Islam dan umat manusia (aksiologi)? Sesungguhnya lebih banyak

persoalan yang boleh diajukan berbanding dengan jawapan yang boleh ditawarkan. Bagaimanakah istilah keusahawan sosial Islam boleh muncul dan apakah justifikasinya? Jika penghujahannya tidak kuat, maka pengistilahan tersebut hanyalah tempelan semata atau bersifat musiman (*trendy*). Penulis agak bimbang jika perbincangan yang dilakukan tidak begitu memberi makna, hanya menyentuh di peringkat permukaan atau bersifat kosmetik. Justeru, perbincangan seharusnya mendasar, tuntas, berdalil, bermanfaat dan memberi pencerahan. Islam seharusnya menjadi asas dan teras yang memandu konsep-konsep lain agar bertepatan dengan pandangan alam Islam. Untuk memandu perbincangan, penulis menyusun perbincangan kepada empat (4) tahap iaitu:

- 1) Apakah pengertian dan konsep keusahawanan?
- 2) Apakah pengertian dan konsep keusahawanan Islam?
- 3) Apakah pengertian dan konsep keusahawanan sosial?
- 4) Apakah pengertian dan konsep Keusahawanan Sosial Islam?

Tertib ini penting untuk mendapatkan gambaran tepat mengenai konsep keusahawanan sosial Islam.

## **2.0 Definisi Usahawan dan Keusahawanan**

Perkataan 'entrepreneur' ialah perkataan bahasa Inggeris yang berasal daripada bahasa Perancis 'entreprendre' yang bermaksud melakukan/mengerjakan sesuatu pekerjaan. Dalam Bahasa Malaysia, istilah usahawan berasal dari perkataan 'usaha'. Menurut Kamus Dewan (1997), usaha ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain hal untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu pekerjaan. Terdapat pelbagai definisi keusahawanan yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh dalam bidang ini seperti Schumpeter (1961), Dollinger (1999) dan lain-lain. Konsep keusahawanan berubah atau berkembang dari semasa ke semasa berdasarkan tokoh yang mempeloporinya. Menurut Gumusay (2015), terdapat tiga mazhab utama dalam memahami konsep keusahawanan iaitu Mazhab Austria, Chicago dan German. Keusahawanan mengikut Mazhab Austria merupakan mengeksploitasi peluang. Bagi Mazhab Chicago, keusahawanan menekankan aspek

pengambilan risiko dan menerima ketidakpastian. Manakala Mazhab German pula menyatakan bahawa keusahawanan berfokuskan gabungan aspek baharu dan kreativiti. Jika digabungkan kesemua konsep tersebut, seorang usahawan adalah mereka yang mengeksploitasi peluang melalui gabungan semula sumber-sumber yang wujud dan bersedia untuk menerima ketidakpastian dalam mengusahakannya. Mohd Zain (2014) merumuskan keusahawanan sebagai suatu proses dalam mencipta, melaksana dan mengembangkan sesuatu perniagaan atau perusahaan baharu berasaskan daya kreativiti dan inovasi, termasuklah aspek ciri-ciri personaliti dan budaya kerja yang memberi nilai tambah terhadap diri dan masyarakat.

Berdasarkan perbincangan sebelumnya, keusahawanan bukanlah satu fenomena baharu. Keusahawanan telahpun muncul dan wujud di sepanjang perjalanan sejarah manusia, tetapi konsep dan pelaksanaannya berbeza-beza mengikut perkembangan zaman khususnya dari segi penciptaan dan penerokaan. Menyingkap semula sejarah peradaban manusia, nilai keusahawanan telahpun lama dipraktikkan dalam empayar Rom dan Parsi di Barat dan Tamadun Cina dan India di Timur. Namun perlu ditegaskan bahawa terdapat beberapa perbezaan antara konsep keusahawanan dengan konsep perniagaan. Usahawan tidak sama dengan peniaga. Sebagai contoh, peniaga hanya menjalankan aktiviti jual beli tanpa melakukan sesuatu pembaharuan (tiada kreativiti dan inovasi) dan kemajuan terhadap perniagaannya. Manakala usahawan pula sentiasa berusaha untuk maju dalam perniagaan dengan mencipta sesuatu yang baharu atau melakukan pembaharuan terhadap aspek yang lama. Justeru, tidak semua peniaga itu usahawan namun majoriti usahawan ialah peniaga.

Perbezaan utama antara usahawan dan bukan usahawan ialah kesediaan mereka untuk mengadunkan kreativiti, inovasi, pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja bagi membentuk, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperolehi. Namun, tepatkah jika konsep ini dihadkan hanya kepada bidang ekonomi dan perniagaan semata-mata: tidak dalam bidang sosial dan politik?

### 3.0 Keusahawanan Menurut Perspektif Islam

Apakah pengertian dan konsep keusahawanan Islam dan bagaimana konsep berkenaan berbeza dengan konsep keusahawanan konvensional? Untuk menjawab persoalan ini, konsep keusahawanan sebelumnya perlu dilihat daripada pandangan alam Islam dengan merujuk kepada sumber asas al-Quran dan al-Sunnah serta Athar. Istilah keusahawanan tidak terdapat secara khusus dalam al-Quran dan al-Sunnah. Juga tidak digunakan secara langsung dalam tradisi keilmuan Islam. Perkataan yang paling hampir ialah *al-tijarah* – perniagaan (9 kali) dan *al-bai'* - jual beli (8 kali). Kesemuanya menyentuh tentang prinsip atau panduan mengenai kegiatan perniagaan dalam Islam berasaskan keimanan kepada Allah. Selain itu, semakan terhadap ayat al-Quran yang berkaitan dengan keusahawanan menunjukkan dua elemen tambahan iaitu aspek dorongan dan akhlak sebagai usahawan muslim. (Mohd Zain, 2014). Untuk memahami konsep keusahawanan Islam berdasarkan pedoman wahyu, beberapa nas telah dipilih untuk memberi kerangka faham yang tepat sebagaimana di bawah:

*Dalil al-Quran :*

1) al-An'am : 165 – Maksud: *“Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu atas sesetengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”*.

2) al-Nisa': 29 - Maksud: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.*

3) al-Baqarah : 275 - Maksud: *Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.*

*Dalil Hadis :*

- 1) Daripada A'isyah katanya Rasulullah S.A.W telah bersabda: *"Sesungguhnya tiadalah usaha seseorang itu yang lebih baik selain daripada kerja tangannya sendiri..."* (2 Ibn Majah (t.t.), Sunan Ibn Majah 2138).
- 2) *"Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama nabi-nabi, para siddiqin dan para syuhada"* (Riwayat al-Tirmizi)
- 3) *"Sembilan persepuluh daripada rezeki datangnya daripada usaha-usaha perniagaan"* (Riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan kefahaman penulis terhadap Islam dan hubungannya dengan keusahawanan, beberapa prinsip penting perlu dipatuhi untuk melihat keusahawanan daripada kerangka pandangan alam Islam sebagaimana berikut:

- a) Berteraskan prinsip tauhid.
- b) Menepati konsep ibadat dan memenuhi tanggungjawab khalifah untuk memakmurkan alam berdasarkan ajaran Islam.
- c) Memenuhi kewajipan atau tuntutan fardhu kifayah. Umat Islam seharusnya menjadi umat pengeluar dan tidak semata-mata menjadi pihak pengguna.
- d) Mengutamakan masalah umum, menepati prinsip syarak dan tidak berkonfrantasi dengan maqasid syar'iyah.
- e) Memberi manfaat dan menjaga kebajikan.
- f) Tidak memberi mudarat kepada pihak lain atau menjejaskan kepentingan umum.
- g) Tidak lalai sehingga melupakan tanggungjawab asas/fardhu ain.

#### **4.0 Elemen-elemen Keusahawanan Islam**

Berdasarkan prinsip-prinsip yang dikeluarkan sebelumnya, elemen yang perlu ada dalam keusahawanan Islam adalah seperti berikut :

- a) Memperolehi keuntungan dunia dan akhirat (al-falah).

Keuntungan duniawi merujuk kepada pendapatan atau rezeki halal dan memenuhi keperluan dan kemaslahatan masyarakat

dan ummah. Keuntungan akhirat bermaksud rezeki dan keuntungan yang diperolehi dipulangkan semula kepada masyarakat dalam bentuk pemberian atau aktiviti kebajikan. Aktiviti yang memenuhi keperluan masyarakat merupakan suatu bentuk ibadah umum kerana menunaikan tanggungjawab fardhu kifayah.

b) Memiliki ciri atau sifat atau personaliti keusahawanan. Antara ciri utama tersebut ialah:

- i) Mencari, mencipta dan memanfaatkan peluang
- ii) Memanfaatkan sumber dan daya secara optimum
- iii) Berusaha gigih secara berterusan dan tidak berputus asa serta berdisiplin
- iv) Berani membuat perubahan dan mengambil risiko
- v) Kreatif dan inovatif untuk penambahbaikan berterusan
- vi) Berdikari dan kebebasan

c) Mematuhi etika atau nilai akhlak Islam berpaksikan keimanan kepada Allah. Antara nilai utama ialah:

- i) Amanah dan jujur
- ii) Qanaah / rasa mencukupi dan bersabar
- iii) Redha dan berusaha
- iv) Syukur dan istiqamah
- v) Tawakal dan berserah

d) Kebajikan dan masalah.

e) Mencari keredhaan Allah dan mencapai al-Falah.

## **5.0 Definisi dan Konsep Keusahawanan Islam**

Berdasarkan kefahaman sebelumnya, penulis merujuk beberapa definisi keusahawanan Islam daripada beberapa sumber sebagaimana berikut:

a) Keusahawanan Islam merujuk kepada proses pencarian, pengemblengan dan pemuafakatan kurniaan Allah untuk faedah diri sendiri, ummah dan makhluk Allah yang lain sebagaimana yang telah digariskan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah. (Sudin Haron 1990)

b) Keusahawanan Islam sebagai mana-mana aktiviti pekerjaan yang diusahakan secara perniagaan oleh seseorang sama ada dengan menghasilkan barangan atau memberi sesuatu perkhidmatan bagi memperolehi rezeki yang halal iaitu dengan cara yang tidak bertentangan dengan syariah. (Ab. Mumin dan Nor Azzah 2008).

c) Keusahawanan Islam ialah suatu bentuk ibadah melalui aktiviti perniagaan atau perusahaan dengan kemahiran-kemahiran tertentu yang bertujuan untuk mendapatkan kurniaan Allah sama ada dalam bentuk material (dunia) dan spiritual (akhirat). Ia termasuk suatu kewajipan fardhu kifayah dari segi perekonomian bagi memenuhi tuntutan ummah dan kehidupan berlandaskan nilai Islam (Mohd Zain Mubarak 2014).

d) Keusahawanan dalam Islam berdasarkan kepada tiga prinsip yang saling berkait iaitu mengenal pasti peluang, sosioekonomi atau etika (dipandu oleh satu set norma, nilai dan syor) dan agama-kerohanian yang menghubungkan manusia dengan Allah dengan matlamat untuk mencari keredhaanNya. Ketiga-tiganya saling berkait, perlu difahami secara holistik dan berasaskan wahyu. (Gumusay Ali Aslan 2014).

Berasaskan gabungan kefahaman mengenai prinsip pandangan alam Islam, definisi dan elemen keusahawanan sebelumnya, penulis merumuskan bahawa konsep keusahawanan Islam seharusnya memenuhi syarat-syarat berikut:

a) Suatu usaha yang dilakukan dengan memanfaatkan sumber secara optimum dalam pelbagai bidang (seperti perkhidmatan, perniagaan, pengurusan, kesenian, kebudayaan dan akademik) khususnya dalam aspek pengembangan ekonomi.

b) Dilakukan dengan cara yang bijaksana (mencipta peluang, menggunakan kreativiti dan inovasi serta mengambil risiko yang munasabah) dan beradab (patuhi prinsip Islam (maqasid syar'iyah) dan nilai Islam (tawakkal, qanaah, syukur, redha dll)

c) Mendapatkan kurniaan Allah yang berupa keuntungan duniawi (rezeki yang halal [keuntungan] dan memenuhi keperluan masyarakat/masalah dan keuntungan ukhrawi (dengan melakukan kebajikan (zakat dan sedeqah) dan memenuhi tuntutan fardhu kifayah). Gabungan kedua-duanya demi kesejahteraan ummah dan pencapaian al-Falah.

d) Kesemua usaha tersebut berpaksikan kepada keimanan kepada Allah dengan niat untuk mendapatkan keredhaanNya dan mencapai al-falah. Dan proses tersebut tidak akan berlaku tanpa kemahiran dan ciri tertentu yang didokong oleh nilai dan prinsip tertentu. Sekiranya semua syarat tersebut dipatuhi maka keberkatan juga akan mengiringinya. Sila lihat rajah di bawah.



Rajah 1 : Gambaran Model Keusahawanan Islam

Keusahawanan adalah sunnah nabi yang amat digalakkan untuk membangunkan peradaban Rabbani. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa kebanyakan rasul menceburi bidang keusahawanan. Sebagai contoh, Nabi Adam merupakan seorang petani, Nabi Daud tukang besi, Nabi Zakaria tukang kayu, Nabi Idris tukang jahit, Nabi Isa tukang tenun dan pencelup kain serta Rasulullah SAW sendiri merupakan penternak dan ahli perniagaan yang berjaya. Keseluruhan pusat tamadun Islam berjaya membangunkan aktiviti keusahawanan yang sistematik berlandaskan kepada kekuatan akidah, pembangunan akhlak dan semangat persaudaraan kemanusiaan sejagat. Meskipun keusahawanan sering dihubungkan dengan aspek ekonomi dan perniagaan, penulis ingin mencadangkan supaya istilah dan konsep keusahawanan Islam juga boleh diaplikasikan dalam bidang-bidang yang lain seperti politik dan pendidikan jika syarat-syarat yang sama dipatuhi. Untuk membezakan antara golongan usahawan dalam bidang ekonomi dan bidang yang



lain, pengistilahan yang khusus perlu digunakan. Justeru, penulis ingin memperkenalkan istilah *mujahid al-iqtisod* bagi usahawan ekonomi dan *mujahid al-tarbiyah* bagi usahawan pendidikan. *Mujahid al-tarbiyah* adalah individu yang berusaha mengembleng sumber secara bijaksana dan beradab untuk membina institusi pendidikan atau latihan tanpa mengharapkan bantuan atau dana daripada mana-mana pihak untuk melahirkan golongan dalam bidang-bidang tertentu bagi memenuhi keperluan masyarakat.

## **6.0 Definisi dan Konsep Keusahawanan Sosial**

Untuk memahami konsep keusahawanan sosial Islam, konsep keusahawanan sosial perlu difahami terlebih dahulu. Konsep keusahawanan sosial sudah pun lama wujud tetapi baru mendapat perhatian utama dan merupakan fenomena global. Terminologi keusahawanan sosial mula digunakan buat pertama kalinya dalam penulisan dalam dekad 60-an dan 70-an dan mula diaplikasikannya secara meluas pada era 80-an dan 90-an oleh Bill Drayton (pengasas Yayasan Ashoka). Jika pernyataan sebelumnya diterima, konsep ini lahir daripada peradaban Barat dan kemudiannya berkembang ke Timur. Antara contoh NGO terkenal yang dikaitkan dengan konsep keusahawanan sosial ialah *Grameen Bank* (Bangladesh), *SIX-S* (Afrika Barat), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) dan Klinik Waqaf al-Nur (Malaysia). Kesemua badan/NGO digerakkan oleh para aktivis sosial yang inovatif untuk membawa perubahan sosial dan impak sosial melalui penggabungan pendekatan amalan perniagaan, kerja sosial dan kebajikan (Nicholls, 2008). Justeru, ia adalah konsep *hybrid* yang menggabungkan konsep keusahawanan dan sosial. Penulis mengumpul empat definisi keusahawanan sosial (dianggap terbaik) yang dikemukakan oleh tokoh Barat sebagaimana di bawah:

a) Keusahawanan sosial ialah pengaplikasian prinsip dalam keusahawanan perniagaan termasuk kebolehan untuk mengambil risiko dan mereka cipta bagi tujuan sosial ([en.wiktionary.org/wiki/social\\_entrepreneurship](http://en.wiktionary.org/wiki/social_entrepreneurship)).

b) Keusahawanan sosial merupakan perniagaan yang memberi keutamaan kepada objektif sosial iaitu lebih keuntungan yang diperolehi akan dilaburkan semula dalam perniagaan untuk kepentingan masyarakat berbanding kepada memaksimumkan keuntungan kepada pemegang taruh dan pemilik perniagaan (Anthony Sibillin 2010).

c) Keusahawanan sosial ialah sesuatu usaha yang melibatkan kerjasama seseorang dan organisasi dalam masyarakat sivil dengan menggunakan pendekatan ekonomi bagi menghasilkan suatu nilai sosial menerusi inovasi sosial (Hulgard 2010).

d) Keusahawanan sosial ialah sesuatu tindakan yang memberikan jalan penyelesaian secara inovatif terhadap sesuatu permasalahan sosial yang sedang berlaku, di samping itu mampu untuk melontarkan idea, menggerakkan kapasiti, sumber dan mampu melakukan susunan sosial bagi memastikan kelestarian terhadap sesuatu transformasi sosial. (Alvord, Brown & Letts 2004)

Perlu ditegaskan bahawa misi untuk memperolehi faedah sosial sentiasa mengatasi faedah keuntungan dari aspek kewangan. (Haugh & Tracy, 2004)

Marwan Ismail (2014) merumuskan bahawa konsep keusahawanan sosial terdiri daripada empat (4) domain utama iaitu mengenal pasti peluang, inovasi sosial, perniagaan sosial dan nilai sosial. Mengenalpasti peluang bermaksud kemampuan seseorang usahawan untuk melihat masalah yang berlaku dalam masyarakat sebagai satu peluang untuk diselesaikan dengan cara yang lebih baik. Inovasi sosial pula adalah suatu aktiviti yang berinovatif, baharu, efektif dan efisien (proses, produk, kaedah, idea, dan perkhidmatan) yang didorong untuk memenuhi keperluan sosial. Perniagaan sosial bermaksud suatu entiti yang tidak berobjektifkan untuk memaksimumkan keuntungan kewangan tetapi berobjektifkan *social driven*. Dua ciri asas perniagaan sosial ialah memberi faedah kepada orang lain (kelompok sasaran yang dibantu) dan keuntungan yang diperolehi juga adalah untuk memastikan organisasi terus kekal lestari bagi meneruskan inisiatif sosial membantu orang lain.

Manakala nilai sosial ialah suatu usaha untuk membawa penambahbaikan kepada keperluan asas manusia (pembasmian kemiskinan, penyediaan peluang pendidikan, rawatan kesihatan, bekalan air bersih, peluang pekerjaan dan keadilan sosial).

Keusahawanan sosial adalah lanjutan daripada konsep keusahawanan sebelumnya dari sudut mengaplikasikan ciri-ciri keusahawanan (eksploitasi peluang melalui gandingan sumber-sumber yang wujud secara kreatif dan inovatif dan bersedia untuk menerima ketidaktentuan dalam mengusahakannya) dengan matlamat utamanya bukanlah untuk mendapatkan keuntungan (bagi pihak pengusaha atau pemegang taroh) bahkan menyelesaikan masalah dan keperluan masyarakat. Institusi dan proses tersebut perlu dipastikan bersifat mandiri agar transformasi sosial yang diusahakan akan berterusan dalam jangka masa yang panjang. Transformasi sosial berkenaan boleh dilaksanakan oleh pelbagai pihak dan institusi (NGO, Kerajaan, Swasta) dan pengukuran penilaiannya berdasarkan manfaat yang diperoleh dan dirasakan oleh masyarakat. Justeru, konsep keusahawanan sosial lebih maju dan lebih hadapan berbanding dengan konsep keusahawanan umum.

## **7.0 Konsep Keusahawanan Sosial Islam**

Berdasarkan latar belakang faham konsep keusahawanan sosial sebelumnya, konsep Keusahawanan Sosial Islam juga perlu mematuhi syarat-syarat yang telah dikemukakan untuk keusahawanan Islam sebelumnya (no. 13). Syarat-syarat tersebut diulangi semula di bawah dengan sedikit pengubahsuaian:

- a) Suatu usaha yang dilakukan dengan memanfaatkan sumber secara optimum dalam pelbagai bidang (seperti perkhidmatan, perniagaan, pengurusan, kesenian, kebudayaan dan akademik) khususnya dalam aspek pengembangan ekonomi
- b) Dilaksanakan dengan cara yang bijaksana (mencipta peluang, menggunakan kreativiti dan inovasi serta mengambil risiko yang munasabah) dan beradab (patuhi prinsip Islam (maqasid

syar'iyah) dan nilai Islam (tawakkal, qanaah, syukur, redha dll)

c) Mendapatkan kurniaan Allah yang berupa keuntungan duniawi (keuntungan dan memenuhi keperluan masyarakat/masalah dan keuntungan ukhrawi (dengan melakukan kebajikan (zakat&sedeqah) dan memenuhi tuntutan fardhu kifayah). Gabungan keduanya adalah kesejahteraan ummah dan pencapaian al-Falah.

d) Kesemua usaha tersebut berpaksikan kepada keimanan kepada Allah dengan niat untuk mendapatkan keredhaan-Nya dan mencapai al-falah.

Walau bagaimanapun konsep keusahawanan sosial Islam memerlukan beberapa ciri tambahan sebagaimana berikut:

i) Menerima empat (4) domain utama sebagaimana yang dikemukakan oleh Marwan Ismail (2014) iaitu mengenal pasti peluang, inovasi sosial, perniagaan sosial dan nilai sosial. Keempat-empat domain tersebut mestilah difahami dalam kerangka pandangan alam Islam. Sebagai contoh program inovasi sosial yang dilaksanakan mestilah tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syarak seperti tidak membenarkan hubungan berlainan jantina secara bebas.

ii) Selain daripada asas keimanan dan mengharapkan keredhaan-Nya, gerak kerja keusahawanan sosial Islam dibina berdasarkan prinsip ithar sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Hasyr: 9 : *“Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhatihati apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya”*

iii) Konsep Keusahawanan Sosial Islam sebaik-baiknya memanfaatkan instrumen muamalah yang telah thabit dalam turath seperti waqaf, zakat dan lain-lain dengan mematuhi prinsip fiqh al-aulawiyat (keutamaan) seperti amalan yang manfaatnya melibatkan lebih ramai kumpulan sasaran lebih afdal dari amalan yang manfaatnya sedikit. Demikian juga amalan yang manfaatnya lebih lama lebih baik dari yang amalan yang bersifat jangka pendek. Sabda Rasulullah SAW: *"Sesungguhnya antara amalan dan kebaikan seorang mukmin yang akan menemuinya selepas kematiannya adalah : ilmu bermanfaat yang diajarkan dan disembarkannya, anak soleh yang ditinggalkannya, mushhaf yang diwariskannya, masjid yang dibangunnya, rumah untuk ibnu sabil yang dibangunnya, sungai (air) yang dialirkannya untuk umum, atau sedekah yang dikeluarkannya dari hartanya diwaktu sihat dan semasa hidupnya, semua ini akan menemuinya setelah dia meninggal dunia "*. (Riwayat Ibnu Majah dan Baihaqi)

Konsep Keusahawan Sosial Islam menurut pandangan penulis ialah suatu usaha mengaplikasikan prinsip keusahawanan Islam sebelumnya berasaskan prinsip tauhid dan nilai ihtar bagi mencapai tujuan/nilai sosial demi meraih keredhaan Tuhan.

Dalam konteks ini, penulis ingin mencadangkan istilah *mujahid al-ijtima'* digunakan untuk para usahawan sosial Islam untuk membezakannya dengan istilah *mujahid al-iqtisod* bagi usahawan ekonomi dan *mujahid al-tarbiyah* bagi usahawan pendidikan. Keusahawan Sosial Islam amat digalakkan dan telah diamalkan oleh para sahabat yang berharta seperti Abu Bakar, Uthman al-Affan, Abdul Rahman bin Auf dan lain-lain iaitu mereka telah mewaqafkan harta masing-masing di jalan Allah. Sebagai contoh, Saidina Uthman Affan telah membeli telaga secara kreatif daripada seorang Yahudi atas saranan Rasulullah SAW yang bersabda : *"Wahai Sahabatku, siapa saja antara kalian yang menyumbangkan hartanya untuk dapat membebaskan perigi itu, lalu menyumbangkannya untuk umat, maka akan mendapat syurga-Nya Allah Taala"* ( HR. Muslim)

Beliau kemudian mewaqafkannya kepada kaum muslimin. Harta waqaf itu masih kekal sehingga sekarang dalam hotel

besar yang strategik berhampiran Masjid Nabawi. Keuntungannya dianggarkan sebanyak RS 50 juta setahun. Setengahnya dibelanjakan untuk anak-anak yatim dan fakir miskin dan setengahnya lagi tetap disimpan dan ditabung di bank atas nama Uthman bin Affan radhiyallahu anhu. Nama akaun dan bil elektrik hotel tersebut masih dibuat atas nama beliau.


## **8.0 Rumusan**

Sebagai rumusan akhir, perbincangan tentang keusahawanan Islam memerlukan paradigma kefahaman baharu dalam kalangan umat akhir zaman. Realiti hidup umat Islam hari ini menunjukkan bahawa mereka lebih berminat untuk menjadi pengguna berbanding dengan menjadi pengusaha atau pengeluar. Islam menganjurkan umatnya berdikari dengan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan/perniagaan untuk mencari nafkah kerana bidang inilah yang memperuntukkan medan yang paling luas sumber rezekinya sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : “sembilan persepuluh rezeki adalah dalam bidang perniagaan”. Mencari nafkah yang halal menerusi medan keusahawanan/perniagaan sememangnya amat digalakkan dalam Islam. Mencari rezeki yang halal adalah fardhu ain ke atas setiap individu muslim dan berusaha dalam bidang ekonomi dengan menyediakan barang-barang keperluan utama umat Islam adalah fardhu kifayah. Dalam konteks ini, mencari harta kekayaan adalah suatu usaha mencapai taraf ketaqwaan. Usahawan Muslim perlu memiliki semangat untuk berlumba-lumba mencari kekayaan dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t.). Kekayaan yang dikumpul bukan untuk kepentingan diri tetapi dikembalikan semula kepada masyarakat untuk mendapatkan keredhaan-Nya. Mereka perlu sedar harta kekayaan merupakan amanah daripada Allah s.w.t.. Semakin banyak keuntungan yang diperolehi, semakin besarlah amanah yang diletakkan kepada diri mereka.

Keupayaan usahawan mengatasi cubaan dan godaan hasil daripada pemilikan harta akan meninggikan lagi tahap ketaqwaan mereka kepada Allah s.w.t.. Bagi usahawan Muslim, kekayaan yang diperolehi merupakan proses untuk menguji

ketaqwaan mereka di sisi Allah. Mereka yang asalnya adalah mujahid dalam bidang ekonomi (*mujahid al-iqtisod*) kemudiannya bertukar status menjadi mujahid pembinaan komuniti, masyarakat dan ummah (*mujahid al-ijtima'*).

### Kerangka Konsep Keusahawan Sosial Islam (KSI)



## **Rujukan**

- Ab. Mumin Ab. Ghani & Nor Azzah Kamri. 2008. Pembiayaan keusahawanan mengikut prinsip Islam; suatu tuntutan jihad dalam Prosiding Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Alvord, S.H, Brown, L.D & Letts, C.W. 2004. Social entrepreneurship and societal transformation. *Journal of applied behavioral sciences*, 40 (3):260-282.
- Anthony Sibillin. 2010. Social entrepreneurship not socialism. *Institute of Public Affairs Review*, August 2010. Vol.62. Issue 3, 34-36.
- Dollinger, M.J. 1999. *Entrepreneurship; strategies and resources*. New Jersey: Prentice Hall.
- Gumusay, A. A. (2014). Entrepreneurship from Islamic perspective. *Journal of Business Ethics* · January 2015 . <http://www.researchgate.net/publication/262566347>. (23 Mac 2015).
- Hulgard, L.2010. Discourse of Sosial entrepreneurship-Variation of Same Theme. WP. No.10/10. EMES Eropean Research Network.
- Haugh , H., & Tracey , P. 2004. The Role of Social enterprise in regional development. Paper presented at the social enterprise and regional development Conference, Cambridge – MIT Institute, University of Cambridge.
- Marwan Ismail (2014). Pembangunan komuniti menerusi keusahawanan sosial : kajian kes mengenai organisasi bukan kerajaan di Malaysia. International Conference on Social Entrepreneurship ICSE 7- 9 Nov 2014.
- Mohd Zain Mubarak. 2014. Keusahawanan Islam berasaskan ciri personaliti dan kerohanian di Negeri Kelantan. Tesis Ph.D. Universiti Malaysia Terengganu.
- Nicholls, Alex. 2008. *Sosial entrepreneurship : New Models of Sustainable Social Change*. Oxford : University Press.
- Schumpeter, J.A. 1961. *The teory of economy development; an inquiry into profit, capital, credit, interest and the business cycle*. Cambridge. Harvard University Press.
- Sudin Haron. 1990. *Ke arah menjadi usahawan berjaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.



